



TEKS UCAPAN PERASMIAN

HARI INOVASI RISDA TAHUN 2018

**DISEMPURNAKAN OLEH:
YBHG. DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN
MOHAMAD
KETUA PENGARAH RISDA**

**TEMPAT: AUDITORIUM SULTAN HJ AHMAD SHAH,
IBU PEJABAT RISDA**

TARIKH: 25 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

MASA : 9.00 PAGI

YBhg. Dato' Nasarudin bin Malek
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

YBhg. Encik Abdullah bin Zainal
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA

YBrs. Pn. Hjh. Norhayati binti Abdul Gaffoor
Pengarah Bahagian Pentadbiran
selaku Pengerusi Jawatankuasa Hari Inovasi RISDA Tahun 2018

Ybhg. Tn.Hj. Sopian bin Abu Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn.Bhd.

Pengarah-Pengarah Bahagian / Pengarah-Pengarah RISDA
Negeri / Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

Pegawai-Pegawai RISDA Daerah/ Jajahan / Bahagian

Yang Diraikan Penerima-Penerima Anugerah Inovasi RISDA

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasih sekalian.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya maka kita dapat bersama-sama hadir untuk menjayakan sambutan Hari Inovasi RISDA Tahun 2018 pada hari ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Pengarah Bahagian Pentadbiran selaku Penganjur dan seluruh jawatankuasanya yang berjaya mengaturkan dan menyempurnakan majlis pada pagi ini.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas kepada semua peserta Hari Inovasi dan Kualiti tahun ini. Hari ini merupakan hari kemuncak untuk meraikan kejayaan kepada semua pemenang anugerah inovasi dan kualiti yang bakal diumumkan sebentar nanti. Kejayaan yang pastinya mencerminkan komitmen warga RISDA dalam usaha untuk menghasilkan perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil.

3. Bertemakan **Kreativiti Membudaya Inovasi Cemerlang**, saya dimaklumkan pada kali ini seramai 25 Kumpulan yang melibatkan 125 orang pegawai dan staf dari seluruh Pusat Tanggungjawab dan Syarikat Milikan RISDA telah menyertai inovasi bagi kategori pengurusan dan teknikal. Manakala penyertaan bagi **Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)** adalah sebanyak 20 kumpulan yang melibatkan 160 orang dengan kategori penambahbaikan dan penciptaan. Tahniah

diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana berani menyahut cabaran menyertai pertandingan ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Inovasi dan kreativiti amat penting untuk mana-mana organisasi, syarikat atau negara agar tidak ketinggalan di dunia yang semakin mencabar. Inovasi hari ini perlu memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi. Dunia kini bergerak ke arah

Revolusi Digital yang mana pelbagai produk dan perkhidmatan mengaplikasikan teknologi robotik, kemahiran komputer dan aplikasi di telefon mudah alih. Justeru, kita perlu membina pendekatan berdasarkan kepada perubahan ini demi memastikan kelangsungan perkhidmatan agensi. Urusan kerja perlu dipermudahkan dengan meluas melalui penggunaan teknologi dalam bidang perladangan, tanam semula, keusahawanan, pemasaran dan sebagainya.

5. Bersesuaian dengan Revolusi Digital ini, antara perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah dengan mewujudkan Pelan Tindakan Inovasi sebagai panduan dari segi pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan merancang penyediaan program untuk tempoh 5 tahun akan datang. Dengan wujudnya pelan tindakan ini produk inovasi yang terpilih boleh diberi penekanan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), dipaten dan dikomersialkan. Inovasi yang terpilih perlu dipromosikan bukan sahaja di pertandingan peringkat nasional malahan kita perlu ke

peringkat global untuk memberi pendedahan kepada kakitangan kita.

6. Seiring dengan tema **Kreativiti Membudaya Inovasi Cemerlang**, strategi untuk menggalakkan peningkatan kreativiti dan inovasi tidak hanya dilaksanakan pada Hari Inovasi RISDA sahaja. Satu *platform* perlu diwujudkan kepada warga RISDA untuk memberi pendedahan ilmu dan menyumbang buah fikiran bagi menambah baik mutu perkhidmatan kepada pekebun kecil.

Saya percaya dengan kemudahan internet dan aplikasi telefon mudah alih yang kita miliki pelbagai bentuk *platform* boleh diwujudkan untuk kita semua berkongsi idea inovasi samada dalam bentuk teknikal mahupun pengurusan.

Hadirin sekalian,

7. Dalam keadaan dunia sekarang di mana penyelesaian lama tidak lagi dapat menyelesaikan masalah sedia ada, inovasi boleh

memberikan kesan dan mendatangkan perubahan besar kepada sesuatu masyarakat. Justeru, saya mengharapkan lebih banyak pembaharuan ciptaan yang dapat membantu pekebun kecil dari segi penjagaan kebun, penggunaan rangsangan, sistem torehan atau apa juar inovasi yang dapat meningkatkan produktiviti getah serta menambah pendapatan pekebun. Inilah aspirasi utama inovasi dalam konteks RISDA diwujudkan kerana ianya bertepatan dengan fungsi ke enam (6) penubuhan RISDA iaitu memastikan

bahawa sektor pekebun kecil dimodenkan untuk memperbaiki kesejahteraan sosial dan ekonomi.

8. Sebelum mengakhiri ucapan, sukacita saya merakamkan tahniah kepada semua peserta inovasi dan kualiti yang telah berjaya pada hari ini dan juga syabas kepada peserta Inovasi Bubu Darat yang telah berjaya menerima geran sebanyak RM 50,000 daripada Yayasan Inovasi Malaysia. Tahniah juga kepada

jawatankuasa pengajur yang merealisasikan program selama 3 hari ini dengan jayanya.

9. Akhir kata, semoga Hari Inovasi tahun ini membuktikan manifestasi iltizam yang kreatif ke arah membudayakan inovasi di kalangan warga RISDA. **Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Hari Inovasi RISDA Tahun 2018.**

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih.